


BAB 6 : KESAN PENTADBIRAN BARAT TERHADAP EKONOMI DAN SOSIAL

| SOALAN ESEI - TINGKATAN 3 | | | |
|---|--|--|---------------------|
| TEMA : Kedatangan Kuasa Asing | TAJUK : Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat | SK : 7.6 – Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial | SP: 7.6.2 |

1. Undang-undang tanah telah diperkenalkan di Tanah Melayu menjelang abad ke-19. (ms. 146)
- (a) Jelaskan tujuan British memperkenalkan undang-undang di Tanah Melayu. (4 Markah)
- (b) Terangkan undang-undang tanah yang diperkenalkan British di negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah. (4 Markah)
- (c) (i) Sekiranya anda sebagai pemimpin masyarakat tempatan pada waktu itu, bagaimanakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan? (6 Markah)
- (ii) British mengatakan tujuan undang-undang tanah diperkenalkan demi menjamin kelangsungan masa depan orang Melayu dan Masyarakat peribumi.
Beri ulasan anda. (6 markah)

| SOALAN ESEI - TINGKATAN 3 | | | |
|---|--|--|-----------------------------------|
| TEMA : Kedatangan Kuasa Asing | TAJUK : Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat | SK : 7.6 – Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial | SP: 7.6.1, 7.6.3, 7.6.4 |

2. Graf di bawah menunjukkan perbandingan pengeluaran bijih timah yang diusahakan oleh pelombong Cina dan pelombong Eropah di Tanah Melayu. (m.s 138-150)



- (a) Terangkan bagaimana British mengembangkan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu. (8 Markah)
- (b) Pembinaan sistem pengangkutan dan perhubungan merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh British berikutan perkembangan bijih timah. Terangkan kepentingan pengangkutan dan perhubungan tersebut kepada penduduk di Tanah Melayu. (8 Markah)
- (c) Tanah Melayu cukup bertuah kerana kaya dengan kepelbagai sumber hasil bumi. Huraikan cara yang boleh dilakukan untuk memanfaatkan sumber bumi yang ada. (4 Markah)

| SOALAN ESEI - TINGKATAN 3 | | | |
|---|--|--|--------------------------------------|
| TEMA : Kedatangan Kuasa Asing | TAJUK : Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat | SK : 7.6 - Kesan Pentadbiran Barat Terhadap Ekonomi dan Sosial | SP: 7.6.1, 7.6.3, 7.6.4 |

3. Gambar berikut menunjukkan cara kemasukan buruh dari China dan India (m.s 156-160).



Buruh dari China yang
masuk melalui sempadan.



Buruh dari India yang
masuk melalui sempadan Kanggemi

- (a) Jelaskan cara hidup penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu setelah kemasukan buruh di atas. (8 Markah)
- (b) Mengapa perpaduan antara kaum tidak dapat diwujudkan semasa zaman pemerintahan British? Huraikan jawapan anda dengan memberikan contoh yang sesuai. (8 Markah)
- (c) Huraikan kepentingan sikap muafakat antara pelbagai kaum dalam memajukan sesebuah negara. (4 Markah)

PANDUAN PENSKORAN –
BAB 6 : KESAN PENTADBIRAN BARAT TERHADAP EKONOMI DAN SOSIAL

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---------------|--|-------------------|
| 1 (a) | <p>Jelaskan tujuan British memperkenalkan undang-undang di Tanah Melayu.</p> <p>F1 Memenuhi keperluan ekonomi penjajah F2 Mengawal tanah hak milik orang Melayu / Bumiputera F3 Memudahkan urusan pentadbiran seperti urusan cukai / pajakan / sewa beli / penjualan / pembelian / cagaran F4 Mengurangkan nilai komersial tanah milik peribumi F5 Melindungi hak milik peribumi di Sarawak daripada dicerobohi F6 Mengekalkan orang Melayu sebagai petani F7 Mengekalkan peribumi di Kawasan luar bandar F8 Mengekalkan peribumi dalam kemiskinan / mundur F9 Mengekalkan peribumi daripada terlibat dengan ekonomi moden F10 Mengurangkan persaingan terhadap penanam tanaman komersial F11 Memperoleh keuntungan F12 Orang Melayu dilarang menjual tanah</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 4 X 1 m)</i></p> | <i>(4 Markah)</i> |
| 1 (b) | <p>Terangkan undang-undang tanah yang diperkenalkan British di negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah.</p> <p>F1 Pada tahun 1913, Majlis Mesyuarat Persekutuan meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu H1a Menurut akta ini, Presiden boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesbuah negeri sebagai hak orang Melayu H1b Tanah tersebut tidak boleh dijual, dipajak gadai atau dipindah milik kepada orang bukan Melayu</p> <p>F2 Land Order H2a yang memperuntukkan hak milik tanah simpanan peribumi diwartakan pada tahun 1931 H2b matlamatnya adalah untuk melindungi kepentingan masyarakat peribumi daripada dicerobohi oleh kaum pendatang yang membuka tanah untuk pertanian</p> <p>F3 Pada tahun 1933, Land Settlement Order dikuatkuasakan untuk melindungi masyarakat Peribumi F4 Land Order 1948 H4 Tanah Sarawak dibahagikan kepada Kawasan tanah campuran, Kawasan tanah peribumi, Kawasan tanah adat peribumi, Kawasan tanah simpanan dan Kawasan tanah</p> <p>F5 Pada tahun 1889 , Proklamasi III perlindungan hak peribumi telah diwartakan H5a di bawah akta ini, Langkah untuk melindungi hak dan kepentingan peribumi dilaksanakan H5b Segala urus niaga dengan orang Eropah, ketua peribumi mestilah diberitahu dahulu</p> | |

| | | | |
|-----------|--|---|-------------------|
| | H5c | Penduduk peribumi mempunyai hak untuk memohon dan mendapatkan ganti rugi pegawai daerah bertanggungjawab untuk menjaga hak milik tanah peribumi (Mana-mana 4 X 1 m) | (4 Markah) |
| 1 (c) (i) | Sekiranya anda sebagai pemimpin masyarakat tempatan pada waktu itu, bagaimakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan? F1 Memperkenalkan hak pemilikan tanah yang sistematik F2 Mengelakkan campur tangan asing / orang luar F3 Mengelakkan jual beli / pajakan / gadaian tanah kepada orang luar F4 Memperkenalkan Tanah Simpanan Melayu F5 Imigran tidak mempunyai hak dalam pemilikan tanah di Tanah Melayu / Sabah / Sarawak F6 Penduduk tempatan sahaja yang mempunyai hak terhadap tanah F7 Mengenakan cukai yang rendah F8 Mengusaha tanah / mengkomersialkan penggunaan tanah F9 Membuka tanah-tanah baru hanya untuk orang tempatan F10 Kuasa meluluskan tanah di tangan pembesar / raja (Mana-mana 6 X 1 m) | (6 Markah) | |
| 1(c) (ii) | British mengatakan tujuan undang-undang tanah diperkenalkan demi menjamin kelangsungan masa depan orang Melayu dan Masyarakat peribumi. Beri ulasan anda. Bersetuju F1 Tradisi orang Melayu dapat dikekalkan F2 Orang Melayu masih memiliki tanah di kampung setinggan hari ini F3 Menyelamatkan tanah di kawasan tersebut daripada dijual / dipajak gadai F4 Sistem perladangan dapat dilaksanakan F5 Kampung Melayu berkembang menjadi Kawasan perumahan khas untuk orang Melayu F6 Tanah dapat diwakafkan kepada generasi akan datang F7 Menjadi warisan orang Melayu Tidak bersetuju F8 Pekebun kecil terpinggir daripada aliran ekonomi F9 Mengelakkan orang Melayu sebagai petani F10 Melindungi kepentingan ekonomi penjajah F11 Kebanyakan Tanah Simpanan Melayu tidak subur F12 Mengurangkan jumlah penyertaan orang Melayu dalam perusahaan getah (Pilih satu pendirian sahaja, mana-mana 6 x 1m) | (6 Markah) | |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---------------|---|-------------------|
| 2 (a) | <p>Terangkan bagaimana British mengembangkan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu.</p> <p>F1 Melabur modal yang besar H1a Mempertingkatkan proses pengeluaran dalam sektor perlombongan C1a British membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang dan terdalam di dunia iaitu di Sungai Lembing, Pahang H1b Memberikan pulangan keuntungan yang lumayan kepada pelabur-pelabur Eropah F2 Membawa masuk teknologi moden H2a Mempercepatkan proses pengeluaran dengan lebih cekap dan menguntungkan C2a Memperkenalkan teknologi kapal korek dan perlombongan hidraulik F3 Membawa masuk buruh dari luar H3a Menampung kepesatan kegiatan perlombongan C3a Ramai buruh cina dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah F4 Pengeluaran dalam skala yang besar H4a Tujuan eksport bagi memenuhi keperluan pasaran di Barat C4a Pada akhir abad ke-19, negara kita merupakan penyumbang utama Bijih timah dunia, iaitu sebanyak 55%</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 8 X 1 m)</i></p> | <i>(8 Markah)</i> |
| 2 (b) | <p>Terangkan kepentingan pengangkutan dan perhubungan tersebut kepada penduduk di Tanah Melayu.</p> <p>F1 Mempercepatkan pengangkutan bijih timah dari lombong ke pelabuhan untuk dieksport C1a Taiping ke Port Weld, Seremban ke Port Dickson, Kuala Lumpur ke Port Swettenham H1a Melancarkan proses penghantaran bijih timah F2 Menghubungkan bahagian timur, utara dan selatan Tanah Melayu H2a Memudahkan pentadbiran pihak British di seluruh Tanah Melayu apabila Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dibentuk H2b Perkhidmatan keretapi juga menjadi pengangkutan awam bagi penduduk F3 Pembukaan tanah baharu di pedalaman untuk perladangan getah H3a Kawasan pedalaman mula diterokai untuk kegiatan ekonomi H3b Menyebabkan kemunculan bandar-bandar besar</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 8 X 1 m)</i></p> | <i>(8 Markah)</i> |
| 2 (c) | <p>Huraikan cara yang boleh dilakukan untuk memanfaatkan sumber bumi yang ada.</p> <p>F1 Bijaksana dalam menguruskan dan mengagihkan hasil bumi F2 Tidak membeza-bezakan penglibatan kaum dalam kegiatan ekonomi negara F3 Elakkan campur tangan pihak luar bagi mengelakkan eksloitasi oleh pihak yang tidak sepatutnya F4 Bijak dalam memasarkan dan mempromosikan hasil tempatan F5 Meningkatkan keberkesanan penggunaan teknologi moden</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana munasabah)</i></p> | <i>(4 Markah)</i> |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---------------|---|-------------------|
| 3 (a) | <p>Jelaskan cara hidup penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu setelah kemasukan buruh di atas.</p> <p>F1 Melayu H1 Ramai di kawasan kampung dan sebahagian menetap di Kawasan bandar dan pekan C1 Sektor pertanian, perikanan, perniagaan, perusahaan, harta tanah, perbankan F2 Cina H2 Ramai di Kawasan bandar dan pekan yang mempunyai banyak peluang ekonomi C2 Sektor pertanian, perniagaan, perusahaan, harta tanah, perbankan dan menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan F3 India H3 Sebelum ini di kawasan perladangan tetapi telah berubah di Kawasan pekan dan bandar C3 Sektor perladangan, pengangkutan dan pelbagai pekerjaan dalam sektor swasta dan kerajaan</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 8 X 1 m)</i></p> | <i>(8 Markah)</i> |
| 3 (b) | <p>Mengapakah perpaduan antara kaum tidak dapat diwujudkan semasa zaman pemerintahan British? Huraikan jawapan anda dengan memberikan contoh yang sesuai.</p> <p>F1 British mengamalkan dasar pecah dan perintah H1a Pengasingan kaum mengikut kegiatan ekonomi dan kawasan C1a Kaum Cina di kawasan perlombongan bijih timah seperti Kuala Lumpur dan kaum India di Kawasan perladangan H1b Mewujudkan jurang antara kaum F2 Kemunculan sistem Pendidikan vernakular H2a Perkembangan sekolah mengikut kumpulan etnik masing-masing C2a Sekolah vernakular cina yang berorientasikan kurikulum sekolah dari China C2b Sekolah vernakular Tamil yang berorientasikan kurikulum sekolah dari India H2c Menjarakkan lagi jurang antara kaum</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 8 X 1 m)</i></p> | <i>(8 Markah)</i> |
| 3 (c) | <p>Huraikan kepentingan sikap muafakat antara pelbagai kaum dalam memajukan sesebuah negara.</p> <p>F1 Mendapat pengiktirafan negara-negara luar F2 Menguatkan benteng negara dengan wujudnya permuafakatan antara kaum F3 Kemajuan ekonomi akan berkembang dengan pesat kerana tiada perpecahan yang menghalangkan kemajuan negara F4 Tarikan kepada pelabur luar negara untuk melabur rentetan daripada perpaduan dan keamanan negara F5 Budaya, sejarah, warisan dan adat resam dapat dikenalpasti dan disebar luas apabila suasana dalam sesebuah masyarakat itu tenteram F6 Digeruni dan disegani oleh negara luar</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana munasabah)</i></p> | <i>(4 Markah)</i> |